

**Ahmad Said Sahkan Tarik Balik Keputusan Keluar UMNO**  
**Bernama**  
**Mei 14, 2014**

KEMAMAN, 14 Mei (Bernama) -- Bekas Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said, Rabu mengesahkan beliau menarik kembali keputusannya sebelum ini untuk keluar daripada UMNO dan menjadi wakil rakyat Bebas.

Ahmad, yang juga Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kijal, berkata beliau sudah memohon maaf kepada Datuk Seri Najib Tun Razak dalam pertemuan bersama perdana menteri di Putrajaya tengah hari Rabu berhubung perkara itu dan mereka saling bermaafan atas salah faham yang berlaku.

"Hubungan tegang itu tercetus apabila saya memberitahu PM yang majlis perkahwinan anak saya pada 17 Mei yang akan berlangsung di kediaman kami di Telok Kalong.

"Namun PM kata itu masalah personal... ini melibatkan anak saya dan maruah saya sehingga saya mengambil keputusan meletakkan jawatan dalam UMNO dan keluar daripada parti," katanya dalam satu sidang media.

Turut menarik balik peletakan jawatan ialah ADUN Ajil Ghazali Taib.

Ahmad berkata beliau dan Ghazali tetap setia dan sayangkan UMNO.

"Saya dan Ghazali menarik balik peletakan jawatan tersebut dan kekal sebagai ahli UMNO dan ADUN kawasan kami," katanya.

Ahmad berkata beliau sedikit pun tidak berdendam terhadap apa yang berlaku, sebaliknya akan menjalankan tugas sebagai wakil rakyat di kawasannya seperti biasa.

Beliau meletakkan jawatan sebagai Menteri Besar Terengganu pada 12 Mei lepas setelah berjumpa dengan perdana menteri awal pagi hari berkenaan.

Berikutan itu, ADUN Seberang Takir, Datuk Ahmad Razif Abdul Rahman dilantik menjadi menteri besar yang baharu dan mengangkat sumpah di hadapan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin di Istana Syarqiyyah, Kuala Terengganu.

Pada 13 Mei, Ahmad, Ghazali dan ADUN Bukit Besi, Roslee Daud mengisytiharkan bahawa mereka keluar daripada UMNO dan menjadi wakil Bebas.

Sehubungan itu, politik di Terengganu dilihat bergolak apabila Barisan Nasional hanya mempunyai 15 kerusi DUN (termasuk Speaker dewan) daripada 32 kerusi, manakala PAS memiliki 14 kerusi, PKR (1), dan Bebas (3).

Ahmad Razif dan semua ADUN Terengganu, Rabu mengadakan pertemuan dengan perdana

menteri untuk membincangkan masalah yang dihadapi UMNO di Terengganu.

Dalam pada itu, Ahmad menafikan dakwaan yang kononnya beliau sengaja melengahkan tarikh perkahwinan anak perempuannya sehingga bulan Mei.

Bekas menteri besar Terengganu itu berkata tarikh perkahwinan anak perempuannya telah ditetapkan masing-masing pada 10 dan 17 Mei, selepas mendapat perkenan keberangkatan Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin.

"Bukan senang nak jemput Sultan (Sultan Mizan) ke majlis. Kena hantar jemputan dua bulan awal. Sultan 'free' pada 10 Mei. Jadi, kita buat pada 10 Mei yang lalu," kata Ahmad pada sidang media di kediamannya di Teluk Kalong, Rabu.

Beliau berkata mengikut adat, selepas majlis rasmi yang mendapat perkenan keberangkatan Sultan Mizan pada 10 Mei lepas, maka majlis perkahwinan di sebelah pihak perempuan akan dibuat seminggu selepas majlis rasmi iaitu pada 17 Mei ini di Teluk Kalong.

"Selepas 17 Mei di sini, majlis di Kuala Lumpur pula pada 31 Mei ini. Bukan sengaja pilih tarikh pada bulan ini," kata Ahmad.

Menurut Ahmad, anak perempuannya juga trauma dengan peletakan jawatan beliau sebagai Menteri Besar, Isnin lepas.

--BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1038303>